

From: Center for Testing, Measurement and Appraisal (CeTMA)
Sent: Ahad, 23 April 2017 9:33 pg
To: UUM - All Staff
Subject: MAJLIS PENYERAHAN NOTA SERAH TUGAS PENJAWAT BAHARU CeTMA 2017



Pusat Pengujian, Pengukuran & Penilaian
Center for Testing, Measurement & Appraisal (CeTMA)
Universiti Utara Malaysia

23 APRIL 2017 / 26 REJAB 1438H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

MAJLIS PENYERAHAN NOTA SERAH TUGAS PENJAWAT BAHARU CeTMA 2017



Majlis Penyerahan Nota Serah Tugas Pengarah Pusat Pengujian, Pengukuran dan Penilaian (CeTMA) telah diadakan di Bilik Mesyuarat CeTMA pada 19 April 2017.

Ini merupakan penyerahan tugas secara rasmi Prof. Madya Dr. Russayani Ismail, mantan Pengarah CeTMA kepada Prof. Madya Dr. Nor Idayu Mahat yang dilantik sebagai Pengarah yang baharu untuk tempoh dua tahun berkuatkuasa 1 April 2017 hingga 31 Disember 2018. Majlis Penyerahan Nota Serah Tugas ini telah disaksikan oleh staf CeTMA.

Prof. Madya Dr. Nor Idayu dalam ucapannya menyatakan akan mengatur langkah pelan strategik CeTMA sebaik mungkin dalam meningkatkan penyelidikan dan penerbitan di samping mengembangkan lagi peranan CeTMA sebagai pusat rujukan yang memfokus kepada aktiviti berkaitan pengujian, pengukuran dan penilaian. Dengan pelantikan 11 orang felo penyelidik dan

felo bersekutu, CeTMA yakin dapat berdiri dengan lebih teguh dalam merealisasikan matlamat tersebut.

Sementara itu, Prof. Madya Dr. Russayani turut menyatakan rasa gembira selama lima tahun beliau berada di CeTMA dengan suasana kerja yang harmoni serta semangat satu pasukan.

Prof. Madya Dr. Russayani telah tamat perkhidmatan sebagai Pengarah CeTMA pada 31 Mac 2017 setelah permohonan cuti sabbatical beliau diluluskan.

Majlis kemudian diikuti oleh sesi ramah mesra dengan felo penyelidik, felo bersekutu dan ahli penyelidik yang terlibat dengan pelbagai penyelidikan di CeTMA.

Pusat Pengujian, Pengukuran dan Penilaian (Center for Testing, Measurement & Appraisal (CeTMA))

Universiti Utara Malaysia | 06010 UUM Sintok, Kedah | Malaysia |

Tel: +6049284981 | Fax: +6049284982



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.